

05 NOV 2003

Persatuan-Abdullah

LEBIH 4,000 PERSATUAN CINA MENYOKONG KEPIMPINAN ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Lebih 4,000 pertubuhan dan persatuan Cina seluruh negara hari ini menyatakan sokongan penuh mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri yang kelima Malaysia.

Sokongan itu dinyatakan melalui dua resolusi yang diluluskan dalam dialog lebih tiga jam di antara pertubuhan-pertubuhan induk Cina dengan MCA yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di sini.

"Masyarakat Cina berkeyakinan penuh terhadap pucuk pimpinan dan percaya bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sentiasa bersikap terbuka, adil dan sederhana akan membantu memenangi pelbagai masalah yang dihadapi masyarakat Cina," demikian menurut kenyataan yang dikeluarkan selepas dialog itu.

Kenyataan itu dibaca oleh Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Badan induk yang hadir dalam dialog itu ialah Persekutuan Persatuan Cina Se-Malaysia (Hua Zong), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia UACCCIM) dan wakil daripada tujuh persatuan dialek utama masyarakat Cina Malaysia.

Satu lagi resolusi yang diluluskan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang telah memimpin Malaysia selama 22 tahun.

"Masyarakat Cina menyanjung tinggi sumbangan bakti dan pencapaian Tun Dr Mahathir dalam memajukan negara, mempertingkatkan imej negara dan mengekalkan kestabilan masyarakat di samping memperatkan perpaduan dan keharmonian masyarakat," kata resolusi itu.

Ong berkata pertubuhan dan persatuan Cina juga bersetuju bersama-sama MCA serta komponen Barisan Nasional yang lain dalam menganjurkan dua majlis makan besar-besaran untuk Abdullah dan Dr Mahathir.

"Untuk Perdana Menteri, kita akan dadakan pada 20 Dis ini, manakala untuk Dr Mahathir kita akan adakan pada 1 Feb 2004," kata Ong yang mempengerusikan dialog itu.

Beliau juga berkata dialog itu juga bersetuju menubuhkan tiga jawatankuasa bagi menangani tiga misi utama itu untuk menukar minda masyarakat Cina, meningkatkan daya saing serta pembangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di negara ini.

"Kita akan bekerjasama sebagai satu pasukan dan kedua-dua pihak akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai (matlamat misi itu)," kata Ong.

-- BERNAMA

AT AT MOZ